

Rujukan Kami : ST(IP/JKSK/UKLE)100-19/03/1 (24)

Tarikh : 15 Disember 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2,
40000 Shah Alam, Selangor.

(u.p.: Mohd Azanuddin bin Salleh)

Tuan,

PENAMBAHAN MAKLUMAT DI DALAM LAPORAN UJIAN PRESTASI TENAGA DAN SURAT PENILAIAN (ASSESSMENT LETTER)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagai Badan Penilaian dan Pematuhan (CAB) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST), SIRIM QAS International Sdn Bhd telah diberi mandat untuk menjalankan aktiviti pensijilan dan pengujian kelengkapan elektrik. Perkara ini adalah selaras dengan perantikan SIRIM QAS International Sdn Bhd yang telah dilantik oleh;

a) PEMANDU (Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan), Jabatan Perdana Menteri – melalui surat rujukan JPM.PEMANDU.2800-1/1/2011(1) bertarikh 10 Januari 2011; dan

b) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) – melalui surat rujukan KeTTHA:BT 18/2 JLD.9(31) bertarikh 19 Oktober 2012

sebagai agensi pelaksana bagi program penyediaan kemudahan pengujian kecekapan tenaga di Malaysia.

3. Dengan itu, SIRIM QAS International telah diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan lesen pensijilan kelengkapan, laporan ujian keselamatan, laporan ujian prestasi tenaga, surat penilaian (Assessment Letter) dan label keselamatan

SIRIM - ST sebagai tanda pengesahan kelengkapan elektrik telah diuji, selamat dan cekap tenaga serta menepati keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

4. Bagi laporan ujian prestasi tenaga dan surat penilaian, maklumat-maklumat yang terkandung didalamnya adalah penting dan ianya digunakan sebagai salah satu data utama dalam mengira jumlah penjimatan tenaga negara melalui pelaksanaan MEPS dan pelabelan cekap tenaga ke atas kelengkapan elektrik yang terpilih.

5. Sehubungan dengan itu, demi menjaga integriti ke atas data-data berkenaan, SIRIM QAS International Sdn Bhd adalah diminta untuk menyertakan maklumat mengenai **Penarafan Bintang, Nilai Penjimatan Tenaga Setahun dan Nilai Peratusan Penjimatan** untuk dimasukkan ke dalam setiap laporan ujian prestasi tenaga SIRIM dan ke dalam surat penilaian ke atas laporan ujian prestasi tenaga yang dikeluarkan oleh makmal lain yang diakreditasi di bawah SAMM oleh Jabatan Standards Malaysia, IECEE CB Scheme , APLAC MRA, ILAC MRA atau ASEAN EE MRA .

6. Dengan adanya maklumat ini dalam laporan ujian prestasi tenaga dan surat penilaian, para pengimport dan pengilang tidak lagi perlu membuat pengiraan dan terus menggunakan data-data berkenaan untuk dicetak pada label cekap tenaga.

7. Mohon untuk pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd merekodkan data-data berkenaan dan memajukan kepada Suruhanjaya Tenaga setiap tahun untuk penyediaan statistik dan pengiraan jumlah penjimatan tenaga yang telah dicapai.

8. Kerjasama dan sokongan dari pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.



Ir. HJ. MD. ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM
Pengarah
Jabatan Kawal Selia Keselamatan
Suruhanjaya Tenaga

s.k.:

- 1) Ketua Pegawai Eksekutif,
Suruhanjaya Tenaga.
- 2) Ketua Pegawai Operasi,
Suruhanjaya Tenaga.
- 3) Pengurus Besar Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Pengujian
SIRIM QAS International Sdn Bhd
(u.p.: Nur Fadhilah binti Muhammad)
- 4) Fail Jabatan.